

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]

SOALAN NO. 213

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan menambahbaik Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 untuk melindungi pasangan yang belum berkahwin daripada keganasan rumahtangga – termasuk pasangan yang sudah bertunang, pasangan yang de facto berkahwin contohnya ada anak bersama atau tinggal bersama, dan pasangan intim lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah dipinda pertama kali pada tahun 2012. Antara pindaan utama ketika itu ialah memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga daripada bentuk fizikal untuk turut meliputi penderaan emosi, mental dan psikologi, penggunaan bahan yang memabukkan dan bahan yang menyebabkan delusi kepada mangsa dan mangsa kanak-kanak.

Bagi memberi perlindungan yang lebih baik kepada wanita, Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2018. Melihat kepada peningkatan kes keganasan rumah tangga pada masa kini, pindaan kepada Akta tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan. Antara 5 perkara utama yang diberi perhatian dalam Rang Undang-Undang ini adalah memperluaskan tafsiran Keganasan Rumah Tangga, menyediakan Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order EPO*) iaitu perintah perlindungan sementara (*ex-parte*) yang boleh diperolehi dengan segera daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa, memberi hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa bagi memberi perlindungan terhadap keselamatan diri mangsa semasa dalam perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan, memperkenalkan Program Pemulihan di bawah kelolaan Kementerian ini kepada pelaku dan mangsa dalam tempoh perintah perlindungan serta menambah baik perintah IPO dan PO dalam aspek pemakluman status.

Pada masa ini, Kanun Keseksaan boleh diguna pakai bagi melindungi mana-mana individu yang mengalami tindakan keganasan.